



“1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj.Kami: MPM.100-1/7/1 (2)
Tarikh: 14 Rejab 1435 H
14 Mei 2014

Semua Pengetua Sekolah Menengah yang ada Tingkatan 6 (Kerajaan dan Swasta)
Semenanjung Malaysia, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan

PEMBERITAHUAN MPM.100-1/7/1(2)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA:

- 1. PEMANSUHAN MATA PELAJARAN FURTHER MATHEMATICS (956) MULAI PEPERIKSAAN STPM 2015**
- 2. PERUBAHAN FORMAT PEPERIKSAAN BERTULIS MATA PELAJARAN PENGAJIAN PERNIAGAAN (946) STPM MULAI PEPERIKSAAN STPM 2015**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita disampaikan Pemberitahuan Majlis Peperiksaan Malaysia tentang **PEMANSUHAN MATA PELAJARAN FURTHER MATHEMATICS (956) MULAI PEPERIKSAAN STPM 2015** dan **PERUBAHAN FORMAT PEPERIKSAAN BERTULIS MATA PELAJARAN PENGAJIAN PERNIAGAAN (946) STPM MULAI PEPERIKSAAN STPM 2015** seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Peperiksaan Malaysia (Majlis) yang ke-127 (Bil. 3/2013) pada 9 Oktober 2013 dan dipersetujui oleh YAB Menteri Pendidikan Malaysia pada 22 April 2014 untuk rujukan/makluman/tindakan pihak Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/tuan/puan.

3. Mohon jasa baik Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/tuan/puan hebahkan Pemberitahuan ini kepada pihak yang berkepentingan di negeri/jabatan/bahagian Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/ Datin/tuan/puan. Sila Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/tuan/puan akui penerimaan Pemberitahuan ini dengan melengkapkan dan mengembalikan borang Akuan Penerimaan yang dilampirkan ke Majlis Peperiksaan Malaysia melalui faksimile di talian **03-61367 329** dengan kadar **SEGERA**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas

DR. JAMIL BIN ADIMIN
Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN

PEPERIKSAAN

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)

1. PEMANSUHAN MATA PELAJARAN *FURTHER MATHEMATICS* (956) MULAI PEPERIKSAAN STPM 2015

Berkuat kuasa peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2015, mata pelajaran *Further Mathematics* (956) tidak ditawarkan lagi dan **dimansuhkan**.

2. PERUBAHAN FORMAT PEPERIKSAAN BERTULIS MATA PELAJARAN PENGAJIAN PERNIAGAAN (946) MULAI PEPERIKSAAN STPM 2015

Berkuat kuasa peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2015, format peperiksaan bertulis mata pelajaran Pengajian Perniagaan (946) adalah seperti yang berikut:

- (a) masa menjawab soalan peperiksaan bagi **semua** kertas **Pengajian Perniagaan (946)** dipanjangkan dari 1 jam 30 minit kepada **1 jam 45 minit**, dan
- (b) soalan pilihan dalam **Bahagian B** ditambah, iaitu **soalan 3(a)** dan **soalan 3(b)**. Calon dikehendaki menjawab soalan 3(a) atau soalan 3(b).

Majlis Peperiksaan Malaysia
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor Darul Ehsan

Telefon: 03-6126 1600
Faksimile: 03-6136 1488
E-mel: ceo@mpm.edu.my
Portal: www.mpm.edu.my

14 MEI 2014